

09/07/2003

41 IPTS ditutup sejak kempen gempur dilancar

SEBANYAK 41 institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) ditutup sehingga Mei

lalu sejak kempen gempur dan hebah dilancarkan tahun lalu bagi memastikan

kualiti pendidikan serta pematuhan undang-undang oleh pengusaha.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata tahun ini saja 12 IPTS diarah tutup.

"Sebanyak 10 IPTS pula diarah menghentikan kursus yang tidak diluluskan," katanya menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003.

Rang undang-undang itu kemudian diluluskan Dewan Negara.

Menjawab kebimbangan Senator mengenai kualiti IPTS, Mahadzir berkata, Kementerian Pendidikan sentiasa bertindak tegas memastikan institusi berkenaan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Katanya, Kementerian Pendidikan mengenakan syarat ketat sama ada bagi permohonan baru atau permohonan naik taraf dengan pemohon diwajibkan mengemukakan kertas kerja untuk diteliti panel khas.

"Kita ada panel khas, bukan boleh tubuh sebarangan, kalau ia tidak sesuai kita tak beri kelulusan. Begitu juga yang sedang beroperasi, kalau

tak sesuai kita tutup," katanya.

Mahadzir berkata, pada masa ini ada 534 IPTS termasuk kolej universiti dan kampus cawangan.

Katanya, jumlah pelajar di IPTS bagi peringkat sijil, diploma dan ijazah

juga bertambah kepada 294,600 tahun lalu berbanding 270,904 pada tahun sebelumnya.

"Ini satu peningkatan yang tinggi. Kalau Pas beri kerja sama, ia lagi baik. Pas dalam soal ini ceritalah baik-baik fasal Malaysia. Janganlah pergi ke luar negara hentam negara kita," katanya mengambil kesempatan membidas wakil pembangkang.

Senator Siti Zailah Mohd Yusoff yang mewakili Kelantan sebelum ini membangkitkan beberapa perkara yang tidak disenangi Mahadzir, termasuk dakwaan bahawa Perdana Menteri tersilap mengenai sejarah penubuhan Pas.

Mahadzir kemudian memberi penerangan sejarah bagi menunjukkan bahawa British menyokong penubuhan parti pembangkang itu seperti yang dinyatakan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno bulan lalu.

Mengenai penggabungan IPTS, Mahadzir berkata, Kementerian Pendidikan sudah mengadakan perbincangan dengan pengusaha bagi memilih model penggabungan yang sesuai.

Bagaimanapun, katanya, pengusaha IPTS masih tidak dapat menerima model penggabungan itu kerana beberapa perkara, khususnya yang berkaitan dengan

ekuiti dan nama kolej.